

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 07 APRIL 2018

MUKA SURAT: 03



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan menteri-menteri Kabinet selepas mengumumkan pembubaran Parlimen di Bangunan Perdana Putra, semalam. Turut hadir, Ahmad Zahid Hamidi. - BERNAMA

7 kejayaan transformasi inklusif

PUTRAJAYA 6 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan telah melakukan transformasi inklusif lagi komprehensif sehingga menghasilkan sekurang-kurangnya tujuh kejayaan kepada rakyat dan negara sejak 2009.

Perdana Menteri menggariskan tujuh kejayaan itu dalam ucapan khasnya semasa pengumuman pembubaran Parlimen di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini dan menyifatkan kejayaan itu bukti kerajaan Barisan Nasional (BN) boleh dipercayai, menepati serta mengotakan janji-janjinya.

"Saya percaya bahawa politik itu bukanlah sekadar menabur janji-janji. Bahkan, lebih utama daripada itu, politik sebenarnya adalah pelaksanaan kata-kata dan keupayaan untuk mengotakan

segala janji-janji kepada rakyat.

"Di sudut ini, saya ingin mengatur syukur apabila Akujanji Kerajaan BN, setakat 28 Februari 2018 sahaja, telah berjaya ditunaikan hingga mencapai 99.4 peratus," katanya.

Najib berkata, walaupun ketika mengambil alih tampuk kepimpinan kerajaan, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak negatif 1.5 peratus namun negara berjaya mengharungi krisis ekonomi dan kewangan dunia dengan baik, teliti serta teratur.

Buktinya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun lepas telah mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.9 peratus, yakni merupakan antara yang tertinggi di dunia.

"Ini sekali gus menyangkal tohmahan pihak-pihak yang tidak

bertanggungjawab bahawa, Malaysia adalah negara yang bakal bankrap," katanya.

Berkongsi kejayaan seterusnya beliau berkata, dasar *Maqasid Syariah* melalui pendekatan kesederhanaan atau *moderation* yang tidak terlalu ekstrem, menolak ideologi Daesh serta tidak menjurus kepada fahaman terlalu liberal telah mendapat pujian dan pengiktirafan daripada Liga Muslim Sedunia (WML).

Perdana Menteri berkata, dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan peluang pekerjaan, kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pendapatan rakyat agar setimpal dengan kos sara hidup semasa agar semua masyarakat dapat mempunyai pekerjaan.